

Headline	Pelajar UiTM juara BSN SVC		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Dec 2012	Language	Malay
Circulation	192,982	Readership	1,521,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	V3	ArticleSize	332 cm ²
AdValue	RM 11,240	PR Value	RM 33,720



Pelajar UiTM juara BSN SVC

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Cadangan pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk membantu penoreh getah menjana pendapatan tambahan menerusi penanaman pokok Stevia muncul juara Pertandingan BSN Inter Varsity Social Venture Challenge (BSN SVC).

Kemenangan itu melayakkan kumpulan pelajar berkenaan menerima modal asas RM10,000 untuk menjayakan projek keusahawanan sosial itu selain masing-masing menerima Sijil Simpanan Premium RM25,000, iPad dan kamera digital Canon Ixus.

Kumpulan berkenaan yang diwakili pelajar Diploma Kulineri iaitu Nur Nadia Maisarah Mohd Fisol, Atiyyah Kamarulzaman, Muhammad Amree Shaaruddin dan Amir Ashraf Md Yusof berjaya memikat hati juri.

Pemilihan dilakukan oleh wakil syarikat korporat dan aktivis program sosial menerusi pembentangan cadangan projek yang mempunyai nilai komersial dan memberi manfaat kepada masyarakat.

Tanam di tanah terbiar
Muhammad Amree berkata, projek Pemanis Agro - Stevia dicadangkan itu mampu menghasilkan pendapatan RM5,500 sebulan bagi 30 keluarga penoreh getah terpilih di Jeli, Kelantan menerusi penanaman 2,000 pokok Stevia di

tanah terbiar.

"Ekstrak Stevia 300 kali lebih manis daripada gula biasa dan sifar kalori.

"Ciri ini membuatkan Stevia mempunyai potensi besar untuk diusahakan kerana lebih sihat untuk digunakan sebagai alternatif kepada gula dan mampu mencegah penyakit termasuk kencing manis dan kegemukan.

"Kami gembira kerana projek ini dapat dilaksanakan dengan bantuan modal hasil kemenangan ini," katanya ketika ditemui pada Majlis Anugerah BSN SVC di sini, baru-baru ini.

Seramik tulang ikan

Tempat kedua yang menawarkan hadiah Sijil Simpanan Premium RM15,000, Samsung Galaxy Tab 2 dan baucar buku RM3,000 dimenangi pasukan Universiti Malaysia Terengganu menerusi cadangan projek 'Thank God It's Hydroxyapatite'.

Projek itu membantu meningkatkan pendapatan pengusaha keropok lekor dengan memanfaatkan tulang ikan untuk dijadikan tepung yang kemudian digunakan bagi menghasilkan seramik dan 'hydroxyapatite' untuk rawatan air serta membuat roti.

Pasukan Universiti Malaya menduduki tempat ketiga

menerusi cadangan projek

Scrap iaitu kitar semula kasut terpakai untuk menghasilkan bahan binaan yang selamat digunakan di permukaan gelanggang sukan dan taman permainan.

Mereka memenangi Sijil Simpanan Premium RM10,000, komputer riba Acer Aspire dan baucar buku RM3,000.

Tiga lagi pasukan peserta akhir iaitu UiTM, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Teknologi Petronas meraih Anugerah Merit dan menerima Sijil Simpanan Premium RM5,000 serta baucar buku RM2,000.

Turut diiktiraf menerusi Anugerah Penghargaan

adalah satu lagi pasukan UiTM dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, masing-masing menerima Sijil Simpanan Premium RM3,000 dan baucar buku RM1,000.

Hadiah disampaikan Timbalan Ketua Eksekutif BSN, Yunos Abd Ghani dan Penaung SVC, Datin Paduka Marina Mahathir.

Yunos berkata, BSN menerima 38 kertas cadangan bagi pertandingan kali ketiga ini dan akan terus menjadikan program itu sebagai acara tahunan bagi menggalakkan pelajar mengasah kreativiti selain membantu masyarakat.

Headline	Pelajar UiTM juara BSN SVC		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Dec 2012	Language	Malay
Circulation	192,982	Readership	1,521,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	V3	ArticleSize	332 cm ²
AdValue	RM 11,240	PR Value	RM 33,720



UiTM Shah Alam menjadi juara keseluruhan dalam BSN Intervarsity Social Venture Challenge yang disempurnakan oleh Marina (tiga dari kiri).